



No Rujukan : PEKELILING ICT-OP-072019

Tarikh Kuatkuasa:

22 NOV 2019

## GARIS PANDUAN

### TATACARA PELEPASAN KONTENA MT SEND BACK DARI ICT IPOH KE PELABUHAN KLANG MELALUI TREN

Disediakan Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan: 	Tandatangan: 
Nama: KAMARUL BIN OMAR	Nama: HJ HILMI BIN HASAN
Jawatan: PENOLONG PENGURUS OPERASI	Jawatan: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## **SINGKATAN**

MT	-	KONTENA KOSONG
ICT	-	IPOH CARGO TERMINAL SDN BHD
FA	-	EJEN PENGHANTARAN
SA	-	EJEN PERKAPALAN
CMS	-	CONTAINER MANAGEMENT SYSTEM

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah dan proses yang terlibat bagi pelepasan kontena MT *Send Back* dari ICT Ipoh ke Pelabuhan Klang melalui Tren.

## **2.0 TATACARA KERJA**

- 2.1 Bagi kontena MT *Send Back* yang dikendalikan oleh ICT dimana ianya bermula daripada Import, Penyelia Operasi perlu memantau pergerakan kontena tersebut berdasarkan rekod buku log MT *Send Back*
- 2.2 Bagi kontena MT *Send Back* yang dikendalikan oleh pihak FA / SA / Shipper, mereka perlu mengemukakan permohonan untuk penghantaran kontena MT ke Port Klang melalui emel kepada Penyelia Operasi dan menyatakan maklumat berikut:
  - 2.2.1 Maklumat kontena MT
  - 2.2.2 Destinasi depoh yang perlu dihantar.
  - 2.2.3 Anggaran tarikh penghantaran kontena ke ICT.
  - 2.2.4 Menyatakan persetujuan dengan kos yang terlibat bagi penghantaran tersebut.
- 2.3 Penyelia Operasi perlu memberikan maklumbalas melalui emel kepada pelanggan.
- 2.4 Penyelia Operasi perlu memastikan bahawa penghantaran kontena MT *Send Back* mengikut kriteria berikut:
  - 2.4.1 Kontena berlu dihantar ke depoh di Pelabuhan Klang tidak lebih dari 3 hari selepas ia masuk ke ICT.
  - 2.3.2 Sekiranya kontena MT masuk ke ICT sebelum jam 3 petang, kontena tersebut akan dihantar pada hari yang sama. Namun

sekiranya kontena MT tersebut masuk selepas jam 3 petang, kontena tersebut akan dihantar pada hari yang berikutnya.

2.5 Penyelia Operasi perlu membuat perancangan jumlah kontena MT yang perlu dihantar ke Port Klang dan jumlah wagon yang diperlukan untuk penghantaran pada hari tersebut dan memaklumkannya kepada kakitangan bahagian eksport.

2.5.1 Jika bekalan wagon tidak mencukupi, Penyelia Operasi perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Atasan untuk membuat penghantaran melalui jalanraya.

2.6 Penyelia Operasi perlu membuat senarai *Loading List Empty Container* dan menyerahkan kepada kakitangan bahagian eksport untuk proses pengisian kontena ke atas wagon.

2.7 Penyelia Operasi perlu melakukan perkara berikut:

2.7.1 Mengemaskini rekod kontena MT tersebut ke dalam sistem CMS.  
2.7.2 Menyemak gatepass yang telah disediakan pada hari tersebut.  
2.7.3 Mengemaskini fail MT *Send Back* dan merekodkan tarikh kontena yang telah keluar dari ICT.

### **3.0 KUATKUASA.**

Pekeliling ini akan berkuat kuasa serta merta.